

25 MAR 2002

Syed Hamid-Keganasan

PERSIDANGAN KHAS OIC MENGENAI KEGANASAN UNTUK TONJOL PENDIRIAN ISLAM

SEPANG, 25 Mac (Bernama) -- Persidangan khas Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai Keganasan yang akan berlangsung di sini minggu depan bertujuan menonjolkan pendirian Islam bagi memerangi keganasan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Islam telah disalah anggap dan disalah faham sebagai agama yang menggalakkan keganasan.

"Kumpulan pelampau juga terdapat dalam agama lain. Mengapa Islam distereotaip," kata beliau pada persidangan media di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini sekembalinya dari Poland.

Beliau mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan sembilan hari ke Rusia, Jerman dan Poland.

Syed Hamid berkata tindakan yang diambil oleh beberapa kerajaan terhadap masyarakat Islam telah mendorong para pemimpin Islam untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai isu keganasan.

Syed Hamid berkata sehingga sekarang, pandangan Islam telah diketepikan sedangkan pandangan lain dikenakan ke atas mereka.

"Kita kena buat "corrective measures" and Dr Mahathir telah meminta Kementerian Luar mengadakan satu mesyuarat di peringkat Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (mengenai isu ini)," katanya.

Syed Hamid percaya negara-negara Barat akan memantau dengan rapi prosiding persidangan bagi meninjau resolusi atau "bahan perbincangan yang akan dibincangkan."

Menteri Luar berkata isu "terrorism" tidak boleh ditangani melalui strategi ketenteraan sahaja sebaliknya mestilah secara "holistic" dengan merangkumi sebab-sebab kejadian, soal agama, budaya, politik, ekonomi dan sosial.

Persidangan itu bukanlah persidangan biasa OIC tetapi persidangan khas yang dianjurkan Malaysia serta mendapat sokongan semua negara OIC, katanya.

Beliau berkata semua negara OIC akan menghadiri mesyuarat tersebut dengan menghantar menteri atau timbalan menteri luar masing-masing.

Mengenai lawatan Perdana Menteri ke Rusia, Jerman dan Poland baru-baru ini, Syed Hamid berkata selain dari perdagangan dan pelaburan, perkara yang menonjol dari lawatan itu ialah penerimaan Dr Mahathir sebagai pemimpin Islam yang boleh memberi pandangan dari perspektif Islam, serta boleh mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam antarabangsa.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir dalam pertemuan dengan ketiga-tiga pemimpin negara-negara tersebut menjelaskan apa sebenarnya negara Islam dan beliau "disassociated" pelampau dengan Islam.

Beliau menyifatkan lawatan Perdana Menteri sebagai berhasil sambil berkata ia jelas menunjukkan penghormatan negara luar terhadap Malaysia dan kepimpinan Dr Mahathir.

"Walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil, kita dapat memainkan peranan yang ketara di peringkat rantau dan antarabangsa serta dapat menyumbang ke arah ke sejahteraan keamanan dan kestabilan masyarakat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

MAD FAZ